

**SOALAN NO. 87**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL  
AZIZ (PASIR MAS)**

**TARIKH : 10 JUN 2014 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan kes penderaan kanak-kanak yang dilaporkan, apakah bentuk-bentuk penderaan yang berlaku dan adakah Kementerian berkenaan juga akan meminda Akta Kanak-Kanak 2001 bagi membolehkan hukuman berat dikenakan kepada pesalah.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) amat prihatin dan memandang serius akan kes penderaan ke atas kanak-kanak. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk bekerjsama dengan kementerian untuk menangani kes penderaan ke atas kanak-kanak.

Berdasarkan data Jabatan Kebajikan Masyarakat, bilangan kes penderaan kanak-kanak adalah sebanyak 1,783 kes pada tahun (tahun 2010), 1,986 kes (tahun 2011), 2,043 kes (tahun 2012) dan 2,227 kes (tahun 2013)

Tuan Yang Dipertua,

Penderaan ke atas kanak-kanak boleh dibahagikan kepada 3 kategori seperti berikut:

- (a) fizikal;
- (b) emosi; dan
- (c) seksual.

Ingin saya menyatakan bahawa mereka yang melakukan penganiayaan atau mendedahkan kanak-kanak hingga menyebabkan kanak-kanak mengalami kecederaan fizikal, emosi atau seksual, boleh disabitkan di bawah seksyen 31(1) Akta Kanak-Kanak 2001. Apabila disabitkan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya.

Selain itu, kesalahan penderaan yang menyebabkan kematian pula diklasifikasikan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan jika disabit kesalahan boleh dijatuhkan hukuman mati.

Sehubungan itu, KPWKM berpendapat peruntukan sedia ada bagi menghukum pesalah pendera kanak-kanak adalah memadai dan tidak perlu dibuat sebarang pindaan kepada undang-undang terbabit.